

PERUTUSAN Pengerusi

YBRS Tuan Khairul Amir Bin Mohamad Zubir

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping

Untuk Mesyuarat Tujuan-Tujuan AM

Bil 4/2020 pada 12 Ogos 2020

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

- i. Pertama, syukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul dan bertemu pada pagi yang mulia ini, bagi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tujuan-tujuan Am pada kali ke 4 bagi tahun 2020.
- ii. Saya berharap mesyuarat ini dimanfaatkan sebaiknya bagi platform perbincangan antara Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian dan juga Ahli-ahli Majlis untuk kelancaran pentadbiran Majlis Perbandaran Taiping.
- iii. YBhg Dato' / Tuan / Puan, saya ingin menarik perhatian ke atas beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak.

1.0 KEMPEN PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU MEMPERKASA USAHA MELAWAN COVID-19

Kempen Pembudayaan Norma Baharu yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 8 Ogos yang lalu bertujuan memperkasa usaha melawan wabak COVID-19 dan meningkatkan kesedaran kawalan sendiri pencegahan COVID-19 dalam kalangan masyarakat. Memetik ucapan daripada YAB Perdana Menteri, “Masyarakat perlu menganggap diri sendiri sebagai ‘petugas barisan hadapan’ dan terus mengamalkan norma baharu dalam usaha membantu kerajaan memerangi penularan COVID-19”. Membuat seruan itu kepada semua masyarakat, Perdana Menteri berkata pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang sedia ada perlu diperluaskan lagi. Ini bagi mengelakkan daripada wujudnya kluster-kluster baharu yang menyebabkan peningkatan kes-kes positif COVID-19 di negara kita. Justeru, kawalan sendiri yang tinggi baik di tempat kerja, tempat-tempat awam, tempat ibadah mahupun di rumah perlu ada dalam diri ahli masyarakat pada setiap masa. Sebagai panduan serta rujukan orang ramai yang kini berperanan sebagai petugas hadapan, Buku Pembudayaan Norma Baharu Komuniti yang mengandungi pelbagai penerangan dan infografik boleh dimuat turun di laman sesawang www.infosihat.gov.my

2.0 PUNTUM, TEJA, BAYU, NAMA TIGA ANAK HARIMAU MALAYA DI ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI

Tiga nama Harimau Malaya yang dilahirkan di Zoo Taiping & Night Safari pada 12 April lalu, secara rasmi dinamakan Puntum, Teja, dan Bayu. Tiga nama itu dipilih daripada pertandingan yang disertai 5,827 penyertaan dan diadili oleh 5 panel pemilih. Tiga pemenang diumumkan sempena sambutan Hari Konservasi Harimau dan Gajah peringkat Kebangsaan yang dirasmikan oleh Menteri Tenaga dan Sumber Asli, YBhg Dato' Dr Shamsul Anuar Nasarah pada 8 Ogos lalu.

Anak harimau jantan dinamakan Puntum sempena seorang pahlawan Melayu Perak yang gagah berani menentang penjajah British manakala dua ekor anak betina masing-masing dinamakan Teja sempena nama srikandi Melayu cantik dan gagah, serta Bayu sempena tiupan angin yang lembut namun hebat dan kuat.

Tahniah kepada pemenang dan tahniah juga kepada warga kerja Jabatan Zoo Taiping & Night Safari dalam usaha melindungi dan memelihara hidupan liar agar memastikan spesies haiwan terancam dapat diselamatkan.

3.0 PEMBUKAAN SEMULA TAMAN BOTANI PERAK

Taman Botani Perak (TBP), Taiping telah dibuka semula pada 4 Ogos lalu yang disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Puan Hajah Rotina binti Daik. TBP telah ditutup umum sejak 18 Mac lalu susulan keputusan kerajaan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bagi mengekang penularan virus COVID-19.

Bersempena dengan pembukaan semula TBP, beberapa langkah perlu dipatuhi iaitu mengisi maklumat diri melalui buku daftar pengunjung atau berdaftar melalui applikasi MySejahtera sebelum masuk ke taman, melalui ujian saringan suhu badan, sentiasa memakai pelitup muka dengan betul, penjarakan fizikal satu meter dengan orang sekeliling dan sentiasa mencuci tangan dengan sabun atau menggunakan cecair sanitasi tangan. Pihak pengurusan tidak menggalakan individu yang bergejala seperti demam, batuk dan selsema serta golongan warga emas, golongan kurang upaya (OKU) dan kanak-kanak bawah umur 12 tahun untuk mengunjungi TBP.

Semoga dengan pembukaan semula TBP, akan merancak lagi sektor pelancongan di Bandar Taiping dan seterusnya mengerakkan lagi rangkaian ekonomi Bandar Taiping.

4.0 SESI BERFOKUS BAGI PENGGANTI RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK)

Sesi Perbincangan Berfokus bagi Rancangan Kawasan Khas (RKK), Taiping Bandar Warisan (Penggantian) akan diadakan pada 13 Ogos 2020 bermula jam 8 pagi hingga 1 tengah hari bertempat di Dewan Teratai, Penthouse, Wisma Perbandaran Taiping. Rancangan Kawasan Khas (RKK) merupakan peta cadangan dan pernyataan bertulis yang menerangkan dengan lebih terperinci segala cadangan-cadangan PBPT untuk pemajuan dan penggunaan tanah dan bangunan sesuatu kawasan khas. Untuk makluman, Rancangan Kawasan Khas Taiping Bandar Warisan 2020 akan tamat tempoh pada tahun ini. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perancangan dan Pembangunan Bandar, Majlis Perbandaran Taiping bersama - sama Pejabat Projek Zon Tengah PlanMalaysia dalam rangka untuk menyediakan Rancangan Kawasan Khas Taiping Bandar Warisan Penggantian. Proses permulaan bagi penyediaan Rancangan Kawasan Khas (Penggantian) ini adalah Sesi Perbincangan Berfokus dimana dihadiri oleh Pihak berkepentingan, Jabatan Teknikal berkaitan serta lain-lain yang difikirkan dapat membantu menyediakan satu rangka awal untuk penggantian RKK ini. Justeru, kerjasama serta kehadiran Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian

serta Ahli Majlis amatlah diharapkan dan dihargai bagi melancarkan proses penggantian RKK ini.